

HUBUNGI SILOK KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-8680920/ 019-3371066



Keadaan pembahagi jalan sepanjang 150 meter di laluan Jalan Bunga Pekan 3.

Bantah bina pembahagi jalan

15 peniaga dakwa pendapatan terjejas, keuntungan merosot sehingga 30 peratus

BANTING - Kira-kira 15 peniaga di Jalan Bunga Pekan 3, Banting berkumpul membantah pembinaan pembahagi jalan (divider) yang dibina sepanjang 150 meter di kawasan itu.

Sinar Harian difahamkan pembahagi jalan yang dibina secara berperingkat itu didakwa menjejaskan pendapatan peniaga di mana keuntungan yang diperolehi mereka menyusut sehingga 30 peratus.

Peniaga restoran, S Murali, 43, berkata, dia berniaga di kawasan itu sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, sejak pembinaan pembahagi jalan itu, kebanyakan pelanggannya merungut kawasan parkir makin sempit.

"Akibatnya kebanyakan pelanggan yang hendak keluar daripada parkir berdepan risiko kemalangan.

"Ada di antara pelanggan saya tak jadi singgah kedai untuk makan sebab susah nak parkir," katanya.

Bagi pengusaha makanan, Ng Wu Seng, 38, berkata, walaupun baharu berniaga sejak setahun lalu, keadaan itu memberi masalah kepada semua pihak.

"Kami kalau boleh tak nak pembahagi jalan ni, kalau nak ada keselamatan pun binalah bonggol sahaja bukan divider.

"Jalan kat sini kan kecil...sampai lori nak turunkan barang pun tak boleh lalu sini," katanya.

Hantar surat bantahan

Wakil Persatuan Perniagaan Cina Kuala Langat, Foong Chee Beng, 56, berkata, satu surat bantahan yang lengkap ditandatangani lebih 15 peniaga di kawasan itu telah dihantar kepada pelbagai pihak termasuk Majlis Daerah Kuala Langat



Peniaga berharap pihak bertanggungjawab dapat mencari alternatif lain dalam menitikberatkan keselamatan di kawasan itu.

(MDKL) dan Pejabat Adun Morib.

Katanya, dia sudah berniaga di kawasan itu selama 26 tahun memohon sangat supaya pembahagi jalan berkenaan dihapuskan dan minta pihak bertanggungjawab mencari alternatif lain dalam menitikberatkan keselamatan di kawasan itu.

"Saya harap pihak berkenaan dapat mengambil kira masalah ini sebab kawasan ini adalah periuk nasi mereka.

"Bayangkan jika peniaga hilang pendapatan sebanyak 30 peratus sehari bagaimana nak tampung pelbagai keperluan pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Bekas Adun Telok Datok, Philip Tan Choon Swee yang berkesempatan meninjau keadaan di kawasan itu mengakui laluan terbahagi menjadi sempit dan berisiko kemalangan.

"Saya harap MDKL dapat buat tindakan sewajarnya untuk jadikan kawasan itu lebih relevan tanpa ada pembahagi jalan," katanya kepada *Sinar Harian*.

MDKL, Nurfadhilah Jalaludin mengulas berkaitan isu pembahagi jalan dan pembinaan susur jalan (kerb) yang mendapat perhatian serta maklum balas daripada orang awam dan pihak peniaga di Jalan Bunga Pekan 3 di sini.

Cadangan pembinaan susur jalan tersebut adalah susulan daripada isu laporan peningkatan kes kemalangan jalan raya di kawasan itu oleh wakil Majlis Perwakilan Penduduk pada Jun 2015 yang lepas.

"Susulan daripada itu, setelah melalui enam siri perbincangan bersama wakil jabatan dan agensi daerah melalui mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Awam, pihak majlis telah menibangkan beberapa cadangan yang diusulkan termasuklah cadangan pembinaan bulatan kecil, pembinaan bonggol, pemasangan lampu keselamatan serta pembinaan garisan penghalang kelajuan.

"Pihak kami telah pun melaku-

kan kajian sebelum meluluskan pertimbangan bagi kerja-kerja pembinaan pembahagi jalan di tengah Jalan Bunga Pekan 3 pada April lalu dan seterusnya melantik kontraktor bagi melaksanakan projek tersebut," katanya.

Katanya, bagaimanapun pihak majlis sentiasa buka ruang kepada pihak yang terlibat untuk kemukakan pandangan demi kebaikan bersama.

"Isu petak parkir kenderaan yang terjejas juga telah diperhalusi dan majlis akan buat penyusunan semula lot parkir kenderaan yang terlibat bagi kemudahan pelanggan ke premis-premis perniagaan dan hasil mesyuarat tersebut memutuskan akan meneruskan pelaksanaan projek pembinaan itu demi keselamatan pengguna," katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati selain pengusaha restoran makanan, pengusaha tayar, peniaga aksesori kenderaan turut berdepan dengan masalah yang sama.

MDKL sedia ruang rundingan

Keselamatan awam sentiasa menjadi fokus utama MDKL dalam merangka serta melaksanakan sesuatu projek infrastruktur di daerah ini.

Pegawai Komunikasi Korporat



Sebahagian peniaga yang sempat berkumpul membantah pembinaan pembahagi jalan.